The 3 insurance Associations namely PIAM, Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) and MTA had formed a Joint Task Force (JTF) to draw up a Code of Practice (COP) for submission to the PDP Office for endorsement. The first draft COP was submitted to the PDP Office in May 2014 and the PDP Office had responded with its input. An external legal advisor was engaged to revise the draft accordingly which was re-submitted to the PDP's office for consideration again. The industry is now awaiting approval and the approval process by the PDP Office will also involve public consultation.

Perkembangan Perundangan dalam Industri Insurans Am

Industri insurans am juga menyaksikan beberapa penambahbaikan dari segi perundangan, struktur dan institusi dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA) dan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Selain daripada mengenakan syarat dan peraturan tertentu, Akta ini juga mengubah cara syarikat insurans menjalankan perniagaan mereka dengan memberi tumpuan kepada penghematan, tadbir urus, ketelusan dan perlindungan pengguna.

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Sebuah Kumpulan Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti dan mengkaji semula proses kerja yang akan dijalankan oleh syarikat insurans untuk memastikan keperluan bagi tanggungjawab dalam pernyataan dan penzahiran pra-perjanjian telah dimaklumkan secara jelas kepada para pemegang polisi dengan penguatkuasaan Jadual 9 pada 1 Januari 2015.

Kumpulan Kerja yang dibentuk terdiri daripada kakitangan undang-undang dan teknikal dalam industri untuk memastikan kesemua sudut dalam dokumen produk pengguna dikaji semula dan sudut-sudut yang menerima kesan akibat Jadual 9 ditangani. Penasihat undang-undang luar telah dilantik untuk membantu Kumpulan Kerja dalam menjalankan kajian ini.

Memandangkan peruntukan Jadual 9 akan melibatkan beberapa produk insurans am bukan pengguna, Kumpulan Kerja telah memperluaskan kajian untuk merangkumi kedua-dua produk. Contoh ayat serta borang telah dirangka dan diedarkan kepada kesemua ahli PIAM untuk digunakan.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Berikutan penguatkuasaan Akta pada 15 November 2013, kesemua syarikat-syarikat anggota PIAM telah diminta untuk mendaftar dengan Pejabat Perlindungan Data Peribadi (PDP) sebagai pengguna data sebelum 15 Februari 2014. Pendaftaran ahli PIAM adalah penting kerana ianya merupakan pra-syarat untuk membolehkan Persatuan membangunkan Kod Amalan bagi kegunaan industri dan bagi membolehkan ahli Persatuan dijemput untuk menghadiri Forum Pengguna Data Jabatan PDP.

Ketiga-tiga persatuan insurans iaitu PIAM, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan MTA telah menubuhkan Pasukan Petugas Bersama (JTF) bagi merangka Kod Amalan (COP) untuk dikemukakan dan disahkan oleh Pejabat PDP. Deraf pertama COP telah diserahkan kepada Pejabat PDP pada Mei 2014 dan Pejabat PDP telah memberi maklum balas input mereka. Penasihat undang-undang luar telah dilantik untuk menyemak semula deraf itu dengan sewajarnya yang telah diserahkan kepada pejabat PDP bagi pertimbangan semula. Pihak industri kini sedang menunggu kelulusan dan proses kelulusan oleh Pejabat PDP juga akan melibatkan rundingan awam.

In addition, the PDP Commissioner has appointed LIAM as the Data User Forum head for the insurance industry and will be the channel of communication with the industry on all matters related to the Code of Practice.

Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP)

The Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) was formed by all insurance companies with the objective of providing motor insurance to vehicle owners who are unable to obtain insurance protection for their vehicles. It was previously known as the High Risks Motor Insurance Pool, whereby its formation was based on a pooling concept and through a collective agreement signed by all members of the Pool.

At its inception, the MMIP's entire motor business operation was placed through two direct insurance companies acting as Servicing Insurers. In July 2009, the Pool appointed POS Malaysia as its servicing agent, to make its service more accessible to the public at large. The MMIP's services has been further expanded in May 2011 when BNM issued a directive to all insurers and takaful operators to act as Servicing Agents for MMIP to guarantee availability of insurance cover for 'high risk' vehicles in the market. With all the insurance companies, takaful operators and POS Malaysia now in the loop to provide MMIP's services, the Pool's business grew.

On 1 July 2014, MMIP held its 22nd Annual General Meeting and one of the important areas discussed was the initiative undertaken by the Council to upgrade of the MMIP's IT system to improve its operations. The system was also to take care of the impending GST implementation.

MMIP had also on 19 May 2014 started using the Merimen System for its Own Damage, Third Party Property Damage and e-Knock for Knock claims processing while its Third Party Bodily Injury claims went live subsequently on 11 July 2014.

With effect from 1 October 2014, MMIP replaced its legacy FLAS (Front End) and POGT (Policy Administration) systems with an online REXIT System. The MMIP's new system, known as the Integrated Insurance Management System (IIMS) is web-based and serves real-time application processes.

The overall performance of MMIP for 2014 (Unaudited) reported a lower gross written premium of RM282.9 million as compared to RM310.8 million in the preceding year. The deficit of 8.99% in the gross premium was largely contributed by a decline of 26.28% in commercial vehicle business. The policy count reported a reduction of 14.59%, 938,436 policies were issued in 2014 compared to 1,098,682 in 2013.

Disamping itu, Pesuruhjaya PDP telah melantik LIAM sebagai ketua Forum Pengguna Data bagi industri insurans dan akan menjadi saluran komunikasi dengan industri mengenai kesemua perkara yang berkaitan dengan Kod Amalan.

Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP)

Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) telah ditubuhkan oleh kesemua syarikat-syarikat insurans dengan objektif untuk menyediakan insurans motor kepada pemilik kenderaan yang tidak layak untuk mendapatkan perlindungan insurans daripada syarikat-syarikat insurans tempatan. MMIP sebelum ini dikenali sebagai "High Risks Motor Insurance Pool", di mana penubuhannya adalah berdasarkan konsep perkongsian dan melalui satu perjanjian perjanjian kolektif dalam kalangan ahli-ahli Pool.

Pada awal penubuhannya, keseluruhan operasi perniagaan motor MMIP dijalankan melalui dua syarikat insurans yang bertindak langsung sebagai 'Penanggung Insurans Khidmat'. Pada bulan Julai 2009, pihak Pool melantik POS Malaysia sebagai ejen khidmat bertujuan agar orang ramai keseluruhannya mendapat perkhidmatan insurans dengan lebih mudah. Perkhidmatan MMIP terus berkembang pada Mei 2011, apabila BNM mengeluarkan arahan kepada semua penanggung insurans dan pengendali takaful untuk bertindak sebagai Ejen Khidmat MMIP bagi menjamin kesediaan perlindungan untuk kenderaan 'berisiko tinggi' di pasaran. Dengan penglibatan kesemua syarikat insurans, pengendali takaful dan POS Malaysia yang kini berada dalam kumpulan yang menyediakan perkhidmatan MMIP, perniagaan Pool telah bertambah.

Pada 1 Julai 2014, MMIP telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-22 dan salah satu perkara penting yang telah dibincangkan adalah berkenaan inisiatif yang dijalankan oleh Majlis dalam menaik taraf sistem IT MMIP bagi menambah baik operasi MMIP. Kenaikan taraf sistem ini juga dilakukan untuk menghadapi pelaksanaan GST.

MMIP juga telah memulakan penggunaan Sistem Merimen pada 19 Mei 2014 untuk proses tuntutan Kerosakan Sendiri, Kerosakan Harta Pihak Ketiga dan e-Knock for Knock manakala kemudiannya, tuntutan Kecederaan Anggota Badan Pihak Ketiga telah dilancarkan pada 11 Julai 2014.

Berkuatkuasa 1 Oktober 2014, MMIP telah menggantikan sistem legasinya iaitu FLAS (Bahagian Depan) dan POGT (Pentadbiran Polisi) dengan sistem dalam talian REXIT. Sistem terbaharu MMIP ini yang dikenali sebagai Integrated Insurance Management System (IIMS) adalah berasaskan web dan menjalankan pemprosesan aplikasi secara serta-merta.

Prestasi keseluruhan MMIP untuk tahun 2014 (Belum Diaudit) melaporkan premium bertulis kasar yang lebih rendah iaitu RM282.9 juta berbanding RM310.8 juta pada tahun sebelumnya. Premium kasar yang merekodkan defisit sebanyak 8.99%

DEVELOPMENTS IN THE GENERAL INSURANCE INDUSTRY
PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI INSURANS AM

The average premium per policy for 2014 and 2013 was RM301 and RM283 respectively, showing an increase of 6.36% despite the 8.99% reduction in gross premium. This upward trend was due to the gradual premium adjustment which was implemented in 2012.

terutamanya disumbang oleh penurunan sebanyak 26.28% dalam perniagaan kenderaan komersial. Kiraan polisi melaporkan pengurangan sebanyak 14.59%, 938,436 polisi telah diterbitkan pada tahun 2014 berbanding dengan 1,098,682 polisi pada tahun 2013.

Premium purata setiap polisi untuk tahun 2014 dan 2013 masing-masing adalah RM301 dan RM283, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 6.36% walaupun merekodkan pengurangan 8.99% dalam premium kasar. Trend menaik ini adalah disebabkan oleh pelarasan premium secara berkala yang dilaksanakan pada tahun 2012.

GROSS PREMIUM AND NUMBER OF POLICIES ISSUED IN 2014 AND 2013

No.	Class of Vehicle	2014		2013		Difference in Movement		Deficit According to Class of Vehicle (%)
		No. of Policy Issued	Gross Premium ('000)	No. of Policy Issued	Gross Premium ('000)	Gross Premium ('000)	Breakdown of Premium Deficit (%)	
1	Private car	679,475	117,231	790,699	123,694	(6,463)	23.12	(5.23)
2	Commercial vehicle	113,680	67,152	129,907	74,498	(7,345)	26.28	(9.86)
3	Bus	28,349	40,323	30,800	44,054	(3,731)	13.35	(8.47)
4	Other	42,294	29,871	49,571	36,449	(6,578)	23.53	(18.05)
5	Taxi	42,770	24,899	47,169	26,955	(2,056)	7.36	(7.63)
6	Motorcycle	31,868	3,420	50,536	5,200	(1,780)	6.37	(34.23)
	Total	938,436	282,895	1,098,682	310,850	(27,954)	100	(8.99)

* Note-Other Class includes - Trailer only, Prime Mover & Trailer, Mobile Equipment/Other Vehicle Motor Trade Risk and Tanker

ACTIVITIES OF PIAM AKTIVITI-AKTIVITI PIAM

ACCIDENT, HEALTH AND OTHERS

Personal Accident (PA) Plain Language Policy

The final revised PA plain language policy was circulated for use by member companies on 17 December 2014.

Although PA is a non-tariff class, members have been encouraged to use the plain language policy and have been granted an extension of time up to 1 April 2015 to adopt the PA plain language policy.

Revised Hospital & Surgical Insurance (HSI) Underwriting Guide

A review of the current practices on Medical and Health Insurance is currently being undertaken by the Joint Technical Committee (JTC) of PIAM, LIAM and MTA. Under this exercise, common issues faced by the industry will be studied to review the revised HSI Underwriting Guide.

This exercise aims to promote healthy market practices without impeding product innovation while aligning the requirements with current market practices and to contain escalating costs.

A final proposed revised HSI Underwriting Guide will be drawn up by the JTC for submission to BNM for approval, after taking into account the input received from industry players from the three Associations.

Joint Technical Committee (JTC) of PIAM, LIAM and MTA on Medical and Health Insurance

Meeting with Association of Private Hospitals in Malaysia (APHM) and Ministry of Health (MOH)

The "Private Healthcare Facilities and Services (Private Hospitals and Other Private Healthcare Facilities) (Amendments) Order 2013" was gazetted on 16 December 2013 to amend the Thirteenth Schedule (Fee Schedule – Professional Fees).

As the increases in medical professional fees and the various medical procedures would have an impact on the eventual claims cost of insurers who underwrite Medical and Health insurance business and this in turn would affect the consumers as well, the JTC had a meeting with the APHM and MOH on 16 May 2014 to discuss the amended Fee Schedule.

The MOH agreed to look into the industry's concerns on medical and consultation fees under the amended Fee Schedule raised by the JTC and will discuss this further with the Malaysian Medical Association and other stakeholders.

KEMALANGAN, KESIHATAN DAN LAIN-LAIN

Polisi Bahasa Mudah Kemalangan Diri (PA)

Polisi bahasa mudah PA yang ditambahbaik telah diedarkan untuk kegunaan syarikat-syarikat anggota pada 17 Disember 2014.

Walaupun PA ialah kelas bukan tarif, ahli-ahli telah digalakkan untuk menggunakan polisi bahasa mudah dan telah diberi lanjutan masa sehingga 1 April 2015 untuk mengunapakai polisi bahasa mudah PA tersebut.

Semakan Semula Panduan Pengunderaitan Insurans Hospital & Pembedahan (HSI)

Semakan semula amalan semasa bagi Insurans Perubatan dan Kesihatan kini sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) terdiri daripada PIAM, LIAM dan MTA. Semasa pelaksanaan ini, isu-isu umum yang dihadapi oleh industri akan dikaji bagi penyemakan semula Panduan Pengunderaitan HSI.

Pelaksanaan ini bertujuan untuk menggalakkan amalan pasaran yang sihat tanpa menghalang inovasi produk dan pada masa yang sama menjajarkan keperluan dengan amalan pasaran semasa serta turut mengawal kos yang semakin meningkat.

Hasil semakan terakhir Panduan Pengunderaitan HSI akan disediakan oleh JTC untuk dikemukakan kepada BNM bagi permohonan kelulusan, selepas mengambil kira input yang diterima daripada ahli-ahli industri daripada ketiga-tiga Persatuan terlibat.

Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) PIAM, LIAM dan MTA Bagi Insurans Perubatan dan Kesihatan

Mesyuarat dengan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) Dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

"Perintah Kemudahan Jagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013" telah diwartakan pada 16 Disember 2013 untuk meminda Jadual Ketiga Belas (Jadual Yuran - Yuran Profesional).

Seiring dengan peningkatan yuran professional perubatan dan pelbagai prosedur perubatan yang akan memberi kesan kepada kos tuntutan akhir penanggung insurans yang mengunderait perniagaan insurans perubatan dan kesihatan dan ini seterusnya akan juga memberi kesan kepada pengguna, JTC telah mengadakan mesyuarat bersama APHM dan KKM pada 16 Mei 2014 untuk membincangkan Jadual Yuran dipinda.

KKM bersetuju untuk mengkaji kebimbangan industri ke atas yuran perubatan dan perundingan di bawah Jadual Yuran dipinda yang dibangkitkan oleh JTC dan akan membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut bersama-sama Persatuan Perubatan Malaysia dan pihak berkepentingan yang lain.

Dialogue Session with Hospitals

Inputs had been received invited from member companies on issues and problems encountered by insurers in their dealings with hospitals/doctors.

For a start, the JTC had a meeting with the Ramsey Sime Darby Group of Hospitals i.e. Subang Jaya Medical Centre, Ara Damansara Medical Centre and ParkCity Medical Centre on 26 September 2014. The main issue discussed was the costs charged by hospitals/doctors.

CLAIMS MANAGEMENT

PIAM/MTA/BNM Joint Committee on Motor Vehicle Theft and Claims Costs Control

The above Joint Committee was formed at the request of BNM to review the current issues on vehicle theft and high claims costs and develop actionable proposals to address their areas.

Under the Joint Committee, a total of 6 initiatives have been identified and they will be studied by various working groups and task forces formed which will report to the Joint Committee. To avoid duplication and enhance co-ordination, the Task Force to Address Claims Expenditure which was formed earlier has been merged with the above Joint Committee. The projects identified are as follows:-

- Project on Industry Motor Claims Framework which covers accident reporting, towing, tow trucks and other enhancements to the claims process
- Project on Vehicle Theft Reduction Initiatives
- Motor Vehicle Scoring System (Group Rating)
- Review of Repair Times and Labour Rates
- TPBI Claims – Public/Private Trustees
- Industry Fraud Intelligence System (ISM)

MRC's Concession (Agreement) with PIAM Member Companies On The Centralized Database for Motor Repairs Estimation

Following the expiry of the Agreement between individual insurance companies and MRC on 1 August 2013, two six months' renewals were provided to MRC to resolve some outstanding issues on its services to the insurance industry.

As MRC had requested for a permanent 'concession' to enable it to plan its services on a long term basis to the insurance industry and necessary investments that could add value to member companies, the Management Committee had agreed to recommend to members the extension of their contract with

Sesi Dialog dengan Hospital

Input telah diterima daripada syarikat-syarikat anggota berkenaan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh penanggung insurans dalam urusan mereka dengan hospital/doktor.

Untuk permulaan, JTC telah mengadakan pertemuan dengan Kumpulan Hospital Ramsey Sime Darby iaitu Pusat Perubatan Subang Jaya, Pusat Perubatan Ara Damansara dan Pusat Perubatan ParkCity pada 26 September 2014. Isu utama yang dibincangkan adalah kos yang dikenakan oleh hospital/doktor.

PENGURUSAN TUNTUTAN

Jawatankuasa Bersama bagi Kecurian Kenderaan Motor dan Kawalan Kos Tuntutan PIAM/MTA/BNM

Jawatankuasa Bersama di atas telah ditubuhkan atas permintaan BNM untuk mengkaji isu-isu semasa berkaitan kecurian kenderaan dan kos tuntutan yang tinggi serta mewujudkan pelan cadangan tindakan untuk menangani perkara-perkara tersebut.

Di bawah Jawatankuasa Bersama, sejumlah 6 inisiatif telah dikenal pasti dan akan dikaji oleh pelbagai kumpulan kerja dan pasukan petugas yang akan melaporkan kepada Jawatankuasa Bersama. Untuk mengelakkan pertindihan dan meningkatkan penyelarasan kerja, Pasukan Petugas untuk Menangani Perbelanjaan Tuntutan yang telah ditubuhkan sebelum ini telah digabungkan dengan Jawatankuasa Bersama di atas. Projek-projek yang dikenal pasti adalah seperti berikut:-

- *Projek Rangka Kerja Tuntutan Motor Industri yang merangkumi laporan kemalangan, campur tangan pihak lain, trak tunda dan pertambahan lain ke atas proses tuntutan*
- *Projek Inisiatif Pengurangan Kecurian Kenderaan*
- *Sistem Pemarkahan Kenderaan Motor (Rating Kumpulan)*
- *Kajian Semula Masa Pembaikan dan Kadar Buruh*
- *Tuntutan TPBI - Pemegang Amanah Awam/Swasta*
- *Sistem Perisikan Penipuan Industri (ISM)*

Konsesi MRC (Perjanjian) dengan Ahli Syarikat PIAM ke atas Pangkalan Data Berpusat bagi Anggaran Pembaikan Motor

Berikutan tamatnya Perjanjian antara syarikat-syarikat insurans secara individu dan MRC pada 1 Ogos 2013, dua pembaharuan selama enam bulan telah diberikan kepada MRC untuk menyelesaikan beberapa isu berkaitan perkhidmatannya kepada industri insurans yang masih berlanjutan.

Memandangkan MRC telah memohon 'konsesi' tetap bagi membolehkannya merancang perkhidmatannya secara jangka panjang kepada industri insurans dan pelaburan bersesuaian yang dapat menambah nilai kepada syarikat-syarikat anggota PIAM, Jawatankuasa Pengurusan telah bersetuju untuk mencadangkan kepada anggota PIAM supaya melanjutkan kontrak mereka dengan MRC untuk tempoh 3 tahun lagi, dengan

ACTIVITIES OF PIAM AKTIVITI-AKTIVITI PIAM

MRC for a further 3-year term, provided MRC incorporates a reasonable service level agreement in the contract and undertakes to resolve all outstanding issues.

MRC had submitted the revised Agreement to PIAM on 28 November 2014 which is currently being reviewed.

DISTRIBUTION MANAGEMENT

Analysis of Registered Agents

The number of agency units registered under the General Insurance Agents Registration Regulations (GIARR) as at 31 December 2014 and 2013 are as below:-

Year (as at 31 December)	No. of Agency Units Registered With		Total No. of Agency Units Registered	Percentage of Agency Units Registered With	
	One Principal	Two Principals		One Principal	Two Principals
2014	17,447	20,467	37,914	46%	54%
2013	16,742	19,632	36,374	46%	54%


syarat MRC menggabungkan perjanjian tahap perkhidmatan yang munasabah dalam kontrak dan berjanji untuk menyelesaikan kesemua isu-isu yang berlanjutan.

MRC telah mengemukakan Perjanjian yang telah disemak semula kepada PIAM pada 28 November 2014 yang kini sedang dalam kajian.

PENGURUSAN PENGEDARAN

Analisa Ejen Berdaftar

Jumlah unit-unit agensi berdaftar di bawah Peraturan Pendaftaran Ejen-Ejen Insurans Am (GIARR) sehingga 31 Disember 2014 dan 2013 adalah seperti berikut:-




As at 31 December 2014, the number of registered general insurance agents increased by 4% to 37,914 compared to 36,374 in 2013. 46% of the registered agents represent 1 Principal only.


Sehingga 31 Disember 2014, jumlah agensi insurans am yang berdaftar meningkat sebanyak 4% kepada 37,914 berbanding 36,374 pada tahun 2013. 46% daripada ejen-ejen berdaftar mewakili hanya satu Prinsipal.

Analysis of Business by Distribution Channels

Analisa Perniagaan Saluran Pengedaran



2014



2013

	Agents	Direct Business Channels	Insurance Brokers	Others	Total
2014	RM10.6 billion	RM3.0 billion	RM2.7 billion	RM0.7 billion	RM17.0 billion
	62%	18%	16%	4%	100%
2013	RM9.8 billion	RM2.9 billion	RM2.5 billion	RM0.9 billion	RM16.1 billion
	61%	20%	15%	4%	100%

In 2014, agents garnered 62% or RM10.6 billion of the total business in comparison to other distribution channels. Of the business acquired by the agency force in 2014, about 10% of total business was acquired via motor vehicle franchise holders. This analysis indicates that insurance agents continue to play a significant role in the acquisition channels in this market.

Dalam tahun 2014, ejen-ejen telah mengumpul 62% atau RM10.6 bilion daripada jumlah keseluruhan perniagaan berbanding dengan saluran pengedaran lain. Daripada jumlah perniagaan yang diperolehi saluran agensi pada tahun 2014, kira-kira 10% daripada jumlah keseluruhan perniagaan diperolehi melalui pemegang franchise kenderaan bermotor. Analisa ini menunjukkan bahawa ejen insurans terus memainkan peranan penting dalam keseluruhan saluran pengedaran pasaran ini.

Distribution of Agents' Earnings

Agihan Pendapatan Ejen

No.	Range (RM)	Percentage (%)		Total Remuneration RM/'000)	
		2013	2012	2013	2012
1	<5,000	13.63	14.31	1,726	10,144
2	5,000.00 - 10,000	3.85	3.96	1,768	1,935
3	10,000.01 - 15,000	3.31	3.30	2,742	2,486
4	15,000.01 - 20,000	3.39	3.50	3,570	3,620
5	20,000.01 - 25,000	3.74	3.81	4,918	5,213
6	25,000.01 - 30,000	3.74	3.70	6,209	5,930
7	30,000.01 - 35,000	3.50	3.55	6,641	6,655
8	35,000.01 - 50,000	8.86	8.83	22,037	21,619
9	50,000.01 - 100,000	17.44	17.52	73,128	72,618
10	100,000.01 - 150,000	9.54	9.43	66,799	65,777
11	150,000.01 - 200,000	5.99	5.96	57,945	57,656
12	200,000.01 - 250,000	4.15	4.16	51,024	51,488
13	>250,000.01	18.86	17.97	941,920	887,750
	Total	100.00	100.00	1,240,427	1,192,891

The percentage of agents earning above RM100,000 increased to 38.5% in 2013 (2012: 37.5%). On the other hand, the percentage of agents earning less than RM5,000 has decreased slightly i.e. from 14.3% in 2012 to 13.6% in 2013.


Peratusan ejen-ejen berpendapatan lebih daripada RM100,000 meningkat kepada 38.5% pada tahun 2013 (2012: 37.5%). Sebaliknya, peratusan ejen-ejen berpendapatan kurang dari RM5,000 telah berkurang sedikit daripada 14.3% pada tahun 2012 kepada 13.6% pada tahun 2013.

Trend in PCEIA Passes

The trends in the percentage of passes of the Pre-Contract Examination for General Insurance Agents (PCEIA) as at 31 December 2014 are as below:-

Trend Kelulusan PCEIA

Trend peratusan kelulusan Peperiksaan Pra-Kontrak Ejen Insurans Am (PCEIA) sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:-



2014

2014			
Educational qualification	No. of Candidates who sat for exam	No. of Passes	% Passes
SPM	6,019	4,114	68
STPM	379	283	75
DIPLOMA	1,818	1,357	75
DEGREE	2,826	2,537	90
Total	11,042	8,291	75

There were 11,042 candidates who sat for the PCEIA examination – General Insurance Route from January to December 2014 and the overall passing rate was 75%. Degree holders account for the highest percentage of passes at 90%.

Seramai 11,042 calon telah menduduki peperiksaan PCEIA – Insurans Am dari Januari hingga Disember 2014 dan tahap kelulusan secara keseluruhan adalah 75%. Pemegang Ijazah memperoleh peratusan kelulusan yang tertinggi iaitu 90%.

Analysis on Profile of Agents

Analisa Profil Ejen

Location of Agents

Lokasi Ejen

The geographical distribution of registered general insurance agents is as below:-

Agihan geografi ejen insurans am yang didaftarkan adalah seperti berikut:-

State	No. of Agents	
	2014	2013
Johor	5,394	5,191
Kedah	1,696	1,660
Kelantan	757	719
Melaka	1,432	1,401
Negeri Sembilan	1,383	1,351
Pahang	1,668	1,561
Penang	3,721	3,566
Perak	3,106	3,019
Perlis	142	139
Sabah	2,127	2,047
Sarawak	2,539	2,441
Selangor	7,815	7,317
Terengganu	627	616
W.P. Kuala Lumpur	5,441	5,286
W.P. Labuan	63	56
Singapore	3	4

ACTIVITIES OF PIAM
AKTIVITI-AKTIVITI PIAM

The state of Selangor has the largest number of agents comprising 7,815 agents (21%) of the total agency population followed by Kuala Lumpur at 5,441 (14%). The state with the lowest number of agents (in Peninsular Malaysia) is Perlis at 142 (0.4%).


Negeri Selangor mempunyai jumlah ejen terbesar merangkumi 7,815 ejen (21%) daripada jumlah keseluruhan agensi diikuti oleh Kuala Lumpur seramai 5,441 (14%). Negeri Perlis mencatatkan jumlah ejen yang terendah (di Semenanjung Malaysia) iaitu seramai 142 (0.4%).

Age Distribution of Agents

From the analysis, there were almost equal percentages of agents in the age bracket of 31 to 40 years and 41 to 50 years i.e. 28.4%. For agents in the age of above 50 years, it is at 29.3% whilst agents in the age bracket of 21 to 30 years stand at about 13.4%. The minimum age to be an agent is 18 years old.

Agihan Ejen Mengikut Umur

Berdasarkan analisa, peratusan ejen-ejen dalam golongan usia 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun adalah setara iaitu kira-kira 28.4%. Ejen dalam golongan usia 50 tahun ke atas adalah 29.3% manakala ejen terdiri daripada golongan berusia 21 hingga 30 tahun adalah pada kira-kira 13.4%. Usia minimum untuk menjadi ejen adalah 18 tahun.




2014

Duration as General Insurance Agent

Agents who have been in the industry for more than 9 years formed 51% of the total agency force. In contrast, about 21% of the agency force had been in the industry for less than 2 years.

Tempoh sebagai Ejen Insurans Am

Ejen-ejen yang telah berada dalam industri insurans lebih daripada 9 tahun membentuk hampir 51% daripada jumlah saluran ejen. Sebaliknya, kumpulan ejen yang telah berada dalam industri insurans kurang daripada 2 tahun adalah kira-kira 21%.




Distribution of Agents by Gender

The percentage of agents by gender stands at 53% Male and 47% Female.

Agihan Ejen mengikut Jantina

Peratusan ejen-ejen mengikut jantina adalah sebanyak 53% bagi Lelaki dan 47% bagi Wanita.




Distribution of Agents by Ethnicity

From the analysis, 30,584 (81%) of the agents are of Chinese ethnicity, 4,729 (12%) are of Malay ethnicity and 3,176 (6%) are of Indian ethnicity.

Agihan Ejen mengikut Etnik

Berdasarkan analisa, 30,584 (81%) daripada jumlah ejen adalah daripada etnik Cina, 4,729 (12%) adalah daripada etnik Melayu dan 3,176 (6%) adalah daripada etnik India.



ACTIVITIES BY THE DISTRIBUTION MANAGEMENT SUB-COMMITTEE

Industry Dialogue with General Insurance Agents

The Distribution Management Sub-committee had a dialogue session with 28 general insurance agents (who were nominated by their Principals) on 14 November 2014.

AKTIVITI DIJALANKAN JAWATANKUASA KECIL PENGURUSAN PENGEDARAN

Industri Dialog bersama Ejen Insurans Am

Jawatankuasa Kecil Pengurusan Pengedaran telah mengadakan satu sesi dialog bersama 28 ejen insurans am (yang dicalonkan oleh Prinsipal mereka) pada 14 November 2014.

ACTIVITIES OF PIAM

AKTIVITI-AKTIVITI PIAM

The following areas were discussed at the dialogue session:-

- Challenges to be faced by agents in a liberalized market
- Upgrading and enhancing professional standards of agents
- Setting up of an Association for General Insurance Agents

Moving forward, PIAM will continue to explore ways on how the industry can enhance communications and foster closer engagement with the agency distribution channel, which is a key stakeholder of the industry.

Review of Agency Registration Fee

The current agents' registration fee has not been revised since 1992. Taking into account that a substantial amount had been spent for the Online Agency Registration System (OARS) and the future plans for agents, an increase to the current agents' registration fee will take effect from 1 April 2015.

PIAM/MII Joint Working Committee

A Joint Working Committee has been formed between PIAM and The Malaysian Insurance Institute (MII) to draw up a working paper on upscaling/ enhancing professional qualification of general insurance agents.

EDUCATION/HRD

Career Talk at Universities

In its effort to raise the awareness of general insurance industry among the younger generation, PIAM organized career talks at Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah and University of Malaya (UM), Kuala Lumpur on 25 March and 23 May 2014 respectively.

The Career Talk initiative was mooted by the Education/HRD Sub-committee of PIAM to address the issue of talent shortage in the general insurance industry. It aimed to promote awareness on the various career opportunities available in the general insurance industry.

Based on the feedback received during the career talks, the students were keen to know more about the industry in terms of career prospects, internship programmes available and job openings in general insurance companies. Majority of the students expressed their interests to work in the Actuarial, Risk Management, Branding, Business Development, Information Technology and Underwriting departments. PIAM will continue to work actively on its outreach program, to profile the general insurance industry and to reach out to the young pool of talents in the local and foreign based universities nationwide.

Perkara-perkara yang telah dibincangkan semasa sesi dialog ini adalah:-

- *Cabaran yang akan dihadapi oleh ejen-ejen dalam pasaran yang liberal*
- *Peningkatan dan penambahbaikan standard profesionalisme ejen*
- *Penubuhan sebuah Persatuan bagi Ejen Insurans Am*

Melangkah ke hadapan, PIAM akan terus meneroka cara-cara bagaimana industri dapat meningkatkan komunikasi dan memupuk penglibatan lebih erat dengan saluran pengedaran agensi, yang merupakan pemegang kepentingan utama industri.

Semakan Semula Yuran Pendaftaran Agensi

Yuran pendaftaran semasa ejen-ejen insurans belum pernah disemak sejak tahun 1992. Dengan mengambil kira jumlah besar yang telah dibelanjakan untuk mengendalikan Sistem Pendaftaran Agensi Dalam Talian (OARS) dan rancangan masa depan untuk ejen, peningkatan ke atas yuran pendaftaran semasa ejen akan berkuat kuasa bermula 1 April 2015.

Jawatankuasa Kerja Bersama PIAM/MII

Sebuah Jawatankuasa Kerja Bersama telah ditubuhkan antara PIAM dan Institut Insurans Malaysia (MII) untuk merangka kertas kerja berkenaan pelarasan/peningkatan kelayakan profesional ejen insurans am.

PENDIDIKAN/PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSM)

Ceramah Kerjaya di Universiti

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai industri insurans am dalam kalangan generasi muda, PIAM telah menganjurkan Ceramah Kerjaya di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah dan Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur masing-masing pada 25 Mac dan 23 Mei 2014.

Inisiatif penganjuran Ceramah Kerjaya ini diilhamkan oleh Jawatankuasa Kecil Pendidikan/PSM PIAM untuk menangani isu kekurangan bakat dalam industri insurans am. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan kesedaran mengenai pelbagai peluang kerjaya yang terdapat dalam industri insurans am.

Berdasarkan maklum balas yang diterima sepanjang Ceramah Kerjaya, para pelajar sangat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai industri dari segi prospek kerjaya, program latihan yang ada dan peluang pekerjaan dalam syarikat-syarikat insurans am. Sebahagian besar pelajar menyatakan minat mereka untuk bekerja dalam jabatan Aktuari, Pengurusan Risiko, Penjenamaan, Pembangunan Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Pengunderaitan. PIAM akan terus berkerjasama secara aktif dalam program jangkauannya, untuk meningkatkan profil industri insurans am dan untuk mendekati kumpulan bakat muda di universiti tempatan dan luar negara.

PIAM records its appreciation to the Talent Management Program team of UUM and the Division of Student Affairs of UM for their support in ensuring the success of the programme. Our sincere gratitude also goes to member companies and MII for their support and participation in nominating speakers to represent PIAM at these career talks.

PIAM merakamkan penghargaannya kepada pasukan Program Pengurusan Bakat UUM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UM atas sokongan mereka dalam memastikan kejayaan program ini. Terima kasih juga kami ucapkan kepada syarikat-syarikat anggota PIAM dan MII atas sokongan dan penyertaan mereka dalam melantik barisan penceramah untuk mewakili PIAM semasa ceramah kerjaya ini.



Career Talk at UUM on 25 March 2014



Career Talk at UM on 23 May 2014

Breakfast Talk for Young Managers

PIAM, through its Young Managers' Think Tank (YMTT), held its annual breakfast talk on 19 November 2014. The YMTT breakfast talks are aimed at stretching the dimension of young managers' minds and motivating them to continuously develop their leadership and interpersonal skills. Topics included in these sessions are not confined to insurance related issues but cover a wide range of areas from personal development to character-building.

This year, YMTT invited Founder and President of EcoKnights, Puan Yasmin Rasyid, a local non-profit environmental organization as guest speaker. Themed, "Rise of the 'EcoKnights' – Campaigning for a Sustainable Living", the talk was attended by 50 young managers from the Malaysian general insurance industry. During the session, Puan Yasmin engaged the participants by sharing her personal experiences in setting up EcoKnights and her journey in promoting the importance of sustainable living among young Malaysians.

Breakfast Talk for Young Managers

PIAM, melalui Young Managers' Think Tank (YMTT), menganjurkan program tahunan "breakfast talk" pada 19 November 2014. Program ini bermatlamat untuk meluaskan lagi dimensi pemikiran pengurus muda dan memotivasikan mereka untuk terus mengasah bakat kepimpinan dan interpersonal masing-masing. Barisan topik yang dibincangkan semasa sesi – sesi ini tidak terhad kepada isu-isu berkaitan insurans tetapi meliputi pelbagai bidang daripada pembangunan peribadi kepada pembinaan karektor.

Tahun ini, YMTT telah menjemput Pengasas dan Presiden EcoKnights, Puan Yasmin Rasyid, sebuah pertubuhan alam sekitar bukan keuntungan tempatan sebagai penceramah jemputan. Bertemakan, "Rise of the 'EcoKnights' – Campaigning for a Sustainable Living", ceramah ini dihadiri 50 pengurus muda dari industri insurans am Malaysia. Semasa sesi tersebut, Puan Yasmin telah berkongsi pengalaman beliau ketika menubuhkan EcoKnights dan perjalanan beliau semasa mempromosikan kepentingan hidup lestari dalam kalangan golongan muda Malaysia.



Puan Yasmin sharing her work aspiration with YMTT members

Industry Forum on Human Capital and Talent

Subsequent to the success of the Industry HR Dialogue held in October 2013, PIAM organized the Industry Forum on Human Capital and Talent on 20 November 2014. During the Forum, the CEO of PIAM, Mr. Mark Lim presented the proposed General Insurance Internship for Talent (GIIFT) Project. GIIFT is an awareness enhancing program organised by PIAM, aimed to reach out and profile the industry to the pool of young talent at the local universities.

The GIIFT Project initiative was well received and supported by the HR personnel present at the Forum. The representatives concurred that the support and endorsement from companies' top management is important to ensure the success of the project.

YMTT also shared this platform to provide an update of activities carried out in 2014 as well as discussed key HR related issues facing the general insurance industry. The Forum was attended by HR personnel comprising senior management of PIAM member companies.

Forum Industri Sumber Manusia dan Bakat

Berikutan kejayaan Dialog Industri PSM yang diadakan pada bulan Oktober 2013, PIAM telah menganjurkan Forum Industri Sumber Manusia dan Bakat pada 20 November 2014. Encik Mark Lim, Ketua Pegawai Eksekutif PIAM, telah membentangkan cadangan projek General Insurance Internship for Talent (GIIFT) pada Forum terbabit. GIIFT ialah sebuah program pemangkin kesedaran yang dianjurkan oleh PIAM, bertujuan untuk mendekati dan meningkatkan profil industri kepada kumpulan bakat muda di universiti tempatan.

Inisiatif Projek GIIFT telah diterima baik dan disokong oleh kakitangan PSM yang hadir di forum tersebut. Wakil-wakil bersetuju bahawa sokongan dan pengesahan daripada pihak pengurusan tertinggi syarikat adalah penting untuk memastikan kejayaan projek ini.

YMTT juga telah berkongsi platform ini untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada tahun 2014 dan juga membincangkan isu-isu utama berkaitan sumber manusia yang dihadapi oleh industri insurans am. Forum ini telah dihadiri oleh kakitangan PSM yang terdiri daripada pengurusan kanan syarikat daripada syarikat-syarikat anggota PIAM.

General Insurance Internship for Talent (GIIFT) Project

It is widely acknowledged that a career in the insurance industry does not at the first sight appeal to today's young generation given the array of choices that they have. This is rooted by the negative perception on the insurance industry and lack of public awareness on the industry's potential and resiliency.

PIAM has taken a dedicated approach in managing this issue by introducing the General Insurance Internship for Talent (GIIFT) Project which is in line with the strategic review of PIAM to attract and build a pipeline of talent for the general insurance industry in Malaysia.

GIIFT Project is positioned as an awareness enhancing program to reach out and profile the industry to young talents at universities throughout Malaysia. In addition, it will showcase the rich and varied career opportunities in the general insurance sector by exposing the talents to short internships at various general insurance companies in the country. GIIFT Project is also designed to enable them to gain a positive insight of general insurance as a global and dynamic industry to work in and change their perception on the insurance industry.

GIIFT Project will be administered by PIAM Secretariat with the support from its member companies. It covers the following key features:-

- 12-week internship attachment with general insurance/reinsurance companies and affiliated organisations
- A structured program for the interns with rotation among the various departments in the general insurance companies
- An orientation and industry induction program by MII prior to the actual internship
- Applications will be invited from undergraduates of all disciplines from local universities in Malaysia
- Assigning projects to interns with key deliverables and outcome
- Formal presentation of projects and recommendations by interns to senior management
- The pilot run is targeted to be launched in June/July 2015 with a pilot batch of 50 interns
- There will be no bond attached to this program for the interns

General Insurance Internship for Talent (GIIFT) Project

Adalah diakui bahawa kerjaya dalam industri insurans bukanlah pilihan utama bagi kebanyakan golongan muda pada hari ini berdasarkan pelbagai pilihan kerjaya yang mereka ada. Situasi ini adalah disebabkan oleh persepsi negatif terhadap industri insurans dan kurangnya kesedaran orang ramai mengenai potensi dan kekuatan industri ini.

PIAM telah mengambil pendekatan teguh dalam menghadapi isu ini dengan memperkenalkan Projek General Insurance Internship for Talent (GIIFT) yang selaras dengan kajian semula strategik PIAM untuk menarik dan membina saluran bakat untuk industri insurans am di Malaysia.

Projek GIIFT telah diperkenalkan sebagai sebuah program pemangkin kesedaran untuk mendekati dan meningkatkan profil industri kepada bakat-bakat muda di universiti-universiti di seluruh Malaysia. Disamping itu, bakat-bakat muda ini akan diberi pendedahan berkenaan peluang kerjaya yang luas dan pelbagai yang terdapat dalam sektor insurans am melalui program latihan industri jangka pendek dengan syarikat-syarikat insurans am di seluruh negara. Projek GIIFT juga direka bentuk untuk membolehkan mereka melihat sendiri gambaran positif mengenai insurans am sebagai sebuah industri yang global dan dinamik untuk dijadikan kerjaya pilihan serta mengubah persepsi mereka terhadap industri insurans.

Projek GIIFT akan dikendalikan oleh Sekretariat PIAM dengan sokongan daripada syarikat-syarikat anggotanya. Ia meliputi ciri-ciri utama berikut:-

- *Latihan industri selama 12 minggu dengan syarikat-syarikat insurans/insurans semula am dan organisasi berkaitan*
- *Sebuah program berstruktur bagi pelatih dengan putaran latihan antara pelbagai jabatan dalam syarikat-syarikat insurans am*
- *Sebuah program induksi industri dan orientasi oleh MII sebelum melalui latihan industri sebenar*
- *Jemputan permohonan daripada mahasiswa/mahasiswi dari semua disiplin dari universiti-universiti tempatan di Malaysia*
- *Pendekatan melalui pemberian projek kepada pelatih berpandukan pencapaian utama dan hasil*
- *Pembentangan formal hasil projek dan cadangan oleh pelatih kepada pengurusan kanan*
- *Program sulung dijangka akan dilancarkan pada bulan Jun/Julai 2015 dengan kumpulan perintis seramai 50 pelatih*
- *Pelatih tidak akan terikat kepada program ini selepas tamat latihan*



Select GIIFT to Showcase the Industry

Due to the Strategic Review and transformation of PIAM, there is a crucial need to build a pipeline of talent for the General Insurance industry in Malaysia. Offering the gifts of thoughtful action and guidance will aid in leading the right talent into the right place at this vital industry.

A General Insurance Internship for Talent (GIIFT) is an experiential learning program aimed to reach out and probe the industry to the lot of young talent at our member companies. It will showcase the rich and varied career opportunities in the world of General Insurance by exposing students (internship attachments) of the various member companies. In so doing, efforts will gain insight on General Insurance as a global and dynamic industry within. This program is open to other graduates of all disciplines in local or international universities in Malaysia. There is no bond attached to the program.



Project Highlights

- 1 week internship attachment (all general insurance/ reinsurance programs) (membered brokers, non-brokers and reinsurers)
- Customized program for interns with rotations (up to) through the various departments in the company (e.g. claims, underwriting, business development, policy servicing, risk management, etc.)
- 2-4 day orientation and industry visit (which program will provide the most internship. Before being assigned to any of the 26 Member companies, the interns will be briefed on the industry landscape, regulatory environment, market performance and other important key trends by various stakeholders.
- There will be no bond attached to this program for the interns.



Project Objectives

- Enhance the profile of the industry, showcase its career stage and structure career opportunities available to young talent.
- To change the public perception of the insurance industry, especially the younger generation.
- Attract top undergraduate talent from local universities.



"Being part of a large corporation has provided me with far more opportunities which in turn has boosted my career growth. I have personally met all of the senior leaders AND find that the business leaders are very approachable and have the initiative to guide and mentor the junior team members."

Kelvin Siach,
Head Service Programs, Malaysia, Singapore & Indonesia



"Our company has made some of the most talented people in the industry generally available to me and this has indeed made a huge difference in my career over the last couple of years. I find that hands on guidance and team assignments in the workplace have been far more beneficial than any university classroom."

Sharmada Manickam,
Manager, Investment Division



"I happen to be blessed with an extremely professional management team, who share their personal objectives to ensure that I am always supported through your knowledge, strategic thinking and best work experiences. This has opened up unique situations where I find myself more than fully prepared and up for any challenge."

Zaidi Omar
Senior Manager, Reinsurance Department



Applications

A hands on experience through GIIFT and get to know the real insurance industry. Come here for the wealth of knowledge and services through connecting with a future peers, an opportunity not to miss!

or your enquiries, please contact:

Ngan
Team Captain in Talent
GATUKAN INSURANS AM MALAYSIA
#1, Shima PIAM
Jalan Tun Sambastan
170 Kuala Lumpur
or: ngan@piam.org.my



PIAM is the national trade association of all licensed direct and reinsurance companies for general insurance in Malaysia. PIAM currently has 26 member companies.



GIIFT promotional collateral

38 Persatuan Insurans Am Malaysia
Annual Report 2014

FINANCE AND CORPORATE GOVERNANCE/ ERM

Goods and Services Tax (GST)

Impact of GST on General Insurance Industry

